

# Pencerobohan nelayan asing dijangka meningkat

UM 16/05/23 M/S 31

**PASIR PUTEH:** Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menjangkakan aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan negeri ini meningkat walaupun ketika ini negara sedang berdepan cuaca panas melampau.

Pengarhnya, Kepten Maritim Syed Nur Adli Syed Ab. Rahman berkata, jangkaan itu berpandukan kepada keadaan laut yang tenang selepas peralihan Monsun Timur Laut menjadi daya penarik kepada kumpulan tersebut melakukan kerja-kerja menangkap ikan di perairan negara.

Katanya, susulan itu Maritim Malaysia Kelantan menggerakkan aset untuk melakukan rondaan lebih kerap bagi memastikan keselamatan perairan negara berada pada tahap terbaik.

“Sepanjang musim panas ini Maritim Malaysia Kelan-



**SYED Nur Adli Syed Ab. Rahman (dua dari kanan) melayan tetamu pada Sambutan Aidilfitri Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG**

tan menerima lima maklumat pencerobohan nelayan asing daripada rakan maritim

termasuk pemancing tempatan dan pengurusan pelantar minyak.

“Fokus operasi di tengah laut tidak hanya membabitkan kes nelayan saing yang menangkap

ikan dan gamat secara haram tetapi mencakupi kegiatan jenayah lain termasuk penyeludupan manusia, dadah serta barang tanpa cukai,” katanya pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Syed Nur Adli berkata, selain melaksanakan operasi, Maritim Malaysia Kelantan menyampaikan maklumat berkait cuaca panas bagi memastikan nelayan tempatan sentiasa menjaga kesihatan diri masing-masing bagi mengelakkan kejadian strok haba ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Katanya, bekalan air bersih yang mencukupi, tempat perlindungan dari bahang panas matahari dan sentiasa bertopi (menutup kepala) ketika bekerja perlu menjadi amalan dalam kalangan nelayan dan pemancing ikan.